

11/10/2003

Dr M jamin beri dea selepas bersara

Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulang hasratnya untuk terus memainkan peranan aktif dalam politik negara walaupun selepas bersara, Oktober ini, lebih-lebih lagi apabila khidmatnya diperlukan kerajaan Barisan Nasional (BN).

Perdana Menteri berkata, beliau akan tetap memberi idea dan pandangan terhadap sesuatu isu, walaupun berhasrat untuk berehat selepas lebih dua dekad menabur bakti.

"Saya mempunyai komitmen kepada parti...parti yang membolehkan saya berada di kedudukan ini hari ini. Saya terhutang budi kepada parti dan kerana itu, saya akan terus bekerja untuk parti, khususnya di peringkat akar umbi.

"Mungkin saya akan bercakap bagi parti, termasuk menjelang pilihan raya. Saya fikir ini sesuatu yang harus saya lakukan," katanya dalam wawancara eksklusif yang dimuatkan dalam buku Mahathir: 22 Years 22 Voices.

Buku setebal 188 muka surat, terbitan Melewar Apex dan JF Publishing itu diterbitkan sempena persaraan Dr Mahathir dan ia dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di sini semalam.

Selain memuatkan wawancara eksklusif berkenaan dan gambar Dr Mahathir sepanjang 22 tahun perkhidmatannya sebagai Perdana Menteri, buku berharga RM188 senaskah itu turut memuatkan kata-kata penghargaan daripada pemimpin dunia.

Antaranya Presiden Cuba, Fidel Castro; Presiden Perancis, Jacques Chirac dan bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher. Timbalan Perdana Menteri juga menyumbangkan kata-kata pengantar dalam buku berkenaan.

Penerbitan buku itu mengambil usaha yang serius dan ia membabitkan buah fikiran daripada ahli Lembaga Penasihat, termasuk Pengerusi Melewar Group Berhad, Tunku Tan Sri Abdullah Tuanku Abdul Rahman; Pengerusi Iris Corporation, Tan Sri Razali Ismail dan Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad.

Timbalan Perdana Menteri dalam ucapan pelancarannya berkata, sepanjang tempoh perkhidmatannya, Dr Mahathir berjaya membangunkan rakyat dan negara ini sehingga dihormati dunia.

Beliau berkata, ada kalanya tindakan yang Dr Mahathir tidak popular tetapi itu bukan penghalang untuk Dr Mahathir meneruskan tindakan itu yang difikirkan baik untuk bangsa, rakyat dan negaranya.

Sebagai contoh, katanya, Dr Mahathir mementingkan pendidikan tanpa mengira jantina dan akhirnya, semua rakyat, baik lelaki atau wanita mendapat peluang yang sama dalam pendidikan.

Abdullah turut menceritakan bagaimana Dr Mahathir tetap memberi kepercayaan kepadanya untuk menganggotai barisan Kabinet walaupun beliau pernah membuat `kesilapan' selama 10 bulan dalam percaturan politik.

"Saya ibaratkan tempoh ini sebagai tempoh sabatikal. Tetapi Dr Mahathir terus memberi kepercayaan kepada saya sehingga sekarang.

"Beliau selalu berkata kepada saya, Lah, banyak kepala lebih baik daripada satu...kalau dua kepala itu, itu merujuk kepada Dr Mahathir. Banyak kepala itu bermakna Kabinet," katanya.

Abdullah berkata, kadangkala Dr Mahathir bersikap tegas dalam melaksanakan sesuatu tindakan tetapi ia untuk memastikan sesuatu perkara itu dapat dijalankan dengan berkesan.

Beliau berkata, pencapaian dan kejayaan Dr Mahathir tidak lagi perlu dihebohkan kerana buktinya ada di dalam negara dan persada antarabangsa.

